

Headline	Suruhanjaya Tenaga rampas barang elektrik bernilai RM4,000		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	31 Mar 2017	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	118 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mardinah Jikur	AdValue	RM 243
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 729



# Suruhanjaya Tenaga rampas barang elektrik bernilai RM4,000

**Mardinah Jikur**

SANDAKAN: Alat elektrik termasuk alat pemadaman dan pengecas untuk dijual di enam premis perniagaan di sini dirampas oleh Suruhanjaya Tenaga Pantai Timur Sabah (STPTS) pada Khamis.

Pengaruhnya Mohd Yusrul Yusof berkata semua barang bernilai RM4,000 dirampas kerana tidak memiliki Sijil Kelulusan (COA) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga, dan tidak mempunyai sebarang pelekat Sirim/ST.

Beliau berkata kertas siasatan akan dibuka bagi kes-kes itu kerana pengusaha enam premis itu mungkin dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah kerana tidak mematuhi Peraturan 97 dan Peraturan 98 di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

“Kami juga melihat bahawa kesedaran peniaga tentang pentingnya label Sirim pada barang elektronik telah banyak meningkat berdasarkan operasi bersepada dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pejabat Sandakan di sini.

“Bagi barang elektrik yang diimport dari luar negara, peniaga atau pengusaha perlu memastikan barang mendapat pelepasan daripada Jabatan Kastam dan Eksais sebelum dibawa masuk kedalam negara.

“Selain itu, Jabatan Kastam memerlukan dokumen COA dan pengimport perlu menjalani ujian konsainan dari pada Sirim sebelum menjualnya kepada pengguna,” kata Yusrul kepada pemberita semasa operasi bersepada di semua premis perniagaan di sini.

Untuk sebarang pertanyaan, katanya, orang ramai boleh melawat laman sesawang Suruhanjaya Tenaga di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) atau hubungi pejabat Suruhanjaya Tenaga terdekat.